

**TEKS UCAPAN**

**BRIGEDIER JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**

**DALAM ISTIADAT KONVOKESYEN KEENAM  
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS  
BERTEMPAT DI DEWAN 2020, KANGAR, PERLIS.  
PADA 17 SEPTEMBER 2011**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Salam 1Malaysia

**Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasih. Sesungguhnya segala pujian itu milik Allah (s.w.t) pemerintah sarwa jagat. Seperangkat selawat dan salam diucapkan kepada junjungan besar Nabi Muhammad (s.a.w.), para sahabat dan anggota keluarga Baginda.**

Menghadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail; Canselor Universiti Malaysia Perlis, dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil; Pro-Canselor Universiti Malaysia Perlis.

Ampun Tuanku, Sembah Patik Mohon Diampun.

Patik dan seluruh warga Universiti Malaysia Perlis merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga, atas perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua bercemar duli berangkat ke Istiadat Konvokesyen Keenam Universiti Malaysia Perlis pada hari ini. Sukacita juga patik merakamkan ucapan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Canselor dan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Pro-Canselor atas perkenan Tuanku mengurniakan ijazah dan pelbagai anugerah kepada para graduan yang diraikan.

Adat Dipertahan, Menguja Rakyat  
Tegap Bersampin, Persis Termasyhur  
Berkat Kemuliaan, Raja Berdaulat  
UniMAP Terpimpin, Perlis Tersohor

Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku, Dirgahayu Tuanku.

Ampun Tuanku, sembah patik mohon diampun. Izini patik menyampaikan ucapan kepada barisan tetamu yang dimuliakan dan para graduan yang diraikan.

**Salutasi** (Encik Zuber dipohon memasukkan salutasi standard tahun ini - TQ).

1. Biar pun istiadat yang kita lalui ketika ini sarat dengan ritual yang bertujuan memperkuuh adat dan budaya, izini saya meneruskan langkah untuk melengkapannya. Biar hari silih berganti, namun bagi sesebuah universiti, hari ini juga yang dinanti-nanti. Inilah hari si ibu, bahagia di lubuk hati. Inilah ketikanya si bapa, lapang dadanya. Inilah juga detiknya tenaga akademik dan pentadbir universiti mempamer rasa bangganya kerana dapat membantu melahirkan insan-insan, yang insya-Allah, berguna kepada agama, diri, ibu bapa, keluarga, bangsa, negara dan dunia seluruhnya.
  
2. Dalam Istiadat Konvokesyen Kali Keenam ini terlebih dahulu saya bagi pihak anggota lembaga pengarah universiti, pengurusan utama

universiti dan seluruh warga UniMAP mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tan Sri Dr. Zulkefli A. Hassan yang dianugerahi Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan, Dr. R. Vasant Kumar penerima Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan, dan Encik Mohd. Parid Sulaiman penerima Ijazah Kehormat Sarjana Kejuruteraan. Secara ringkas wajar saya tegaskan bahawa para penerima ijazah kehormat pada hari ini merupakan insan-insan yang telah menyumbangkan idea yang bermakna dan tenaga yang banyak dalam usaha membangunkan universiti ini. Terima kasih saya ucapkan.

3. Dalam Istiadat Konvokesyen ini juga UniMAP bersyukur kehadrat Allah (s.w.t) dan amat berbangga menganugerahkan ijazah kepada 1,237 orang graduan. Mereka terdiri daripada **empat** orang graduan Ijazah Doktor Falsafah, **58** orang penerima Ijazah Sarjana Sains, **953** orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan; dan **222** orang penerima Diploma Kejuruteraan. Daripada 953 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan itu, sebanyak 33 orang (**3.46%**) graduan dianugerahi ijazah kelas pertama (PNGK 3.67 ke atas), sementara 491 orang (**51.52%**) memperoleh ijazah kelas kedua atas (PNGK 3.00 hingga 3.66). Harapan saya semoga para graduan sekalian dapat memanfaatkan segala ilmu yang ditimba untuk membangunkan kerjaya yang cemerlang; membantu ibu bapa yang telah banyak mengorbankan masa dan tenaga; membangunkan masyarakat yang memerlukan sanggaan; dan memajukan negara sehingga berupaya berdaya saing di semua peringkat dan lapangan sepanjang masa. Sedikit pesan kepada anak didik UniMAP sekalian: usahlah sekeping ijazah yang dititipkan hari ini dijadikan

sempadan untuk tidak terus membaca dan membaca; tidak terus mencari dan menggali khazanah ilmu dalam apa jua kesempatan yang ada atau dalam apa jua kesempitan yang melanda.

4. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan kerana berjaya menyempurnakan perjalanan panjang yang penuh liku dan cabaran selama menuntut di Universiti ini meskipun perjuangan hidup sebenar belum berakhir. Saya amat berharap saudara-saudara tidak melupai UniMAP. Ingatilah bahawa status alumni yang disematkan pada dada anda dalam sidang ini dengan sendirinya menjadikan saudara-saudara tidak boleh dipisahkan daripada UniMAP. Gunakanlah segala peluang yang ada untuk bersama-sama membantu membangunkan dan melestarikan UniMAP melalui ALUMNI. Sumbangan berbentuk idea, dana atau kerjasama dalam bidang penyelidikan akan sentiasa dan amat kami alu-alukan.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

5. Sehingga kelmarin, berdasarkan data yang dikumpulkan, daripada 953 orang graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang bergraduat hari ini, sebanyak 536 orang (56.2%) telah diterima bekerja oleh pelbagai syarikat multinasional, syarikat setempat, agensi kerajaan atau menyambungkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana di dalam atau di luar negara dalam bidang masing-masing. Sukacita saya maklumkan bahawa data kebolehpasaran siswazah ini merupakan suatu rekod baru bagi UniMAP berbanding dengan pencapaian tahun-tahun sebelum ini.

Ternyata bahawa siswazah UniMAP laris dalam pasaran kerja ialah suatu hakikat. Sehubungan dengan ini saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang menyalurkan lebih daripada RM800,000 kepada Pusat Kerjasama Industri UniMAP untuk melaksana inisiatif *Job Camp* kepada graduan sesi ini sehingga memungkinkan mereka mendapat pekerjaan sebelum menerima ijazah masing-masing.

6. Selain itu, daripada 222 orang graduan diploma Universiti ini, sebanyak 99 orang (44.6%) telah diterima masuk semula untuk menyambungkan pelajaran di peringkat ijazah pertama di universiti ini juga dan selebihnya telah memilih untuk melanjutkan pengajian di universiti lain atau mencari pengalaman bekerja. Saya amat positif bahawa peratusan siswazah UniMAP yang akan menerima rezeki masing-masing akan bertambah dalam masa tiga bulan lagi. Mengikut catatan lampau, sejak konvokesyen pertama dalam tahun 2006 hingga tahun lalu, lebih daripada 83% siswazah UniMAP mendapat pekerjaan atau menyambungkan pengajian selepas enam bulan bergraduat.

7. Data yang dikemukakan sebentar tadi menjadi bukti bahawa sistem akademik UniMAP diterima baik oleh industri di dalam negara di samping melepassi piawai antarabangsa kerana terdapat dalam kalangan anak-anak kita ini diterima menyambungkan pengajian di universiti antarabangsa di serata dunia. Untuk pengetahuan semua, sebanyak 15 program pengajian kejuruteraan yang ditawarkan oleh UniMAP telah mendapat akreditasi oleh EAC/BEM dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sementara tujuh (7)

program lagi sedang menunggu giliran untuk dinilai dan diakreditasi. Namun demikian, kita tetap tidak bertolak ansur dengan isu kualiti akademik yang ditawarkan. Untuk memperkasakan kualiti akademik program pengajian, pada akhir tahun lalu, UniMAP telah menubuhkan Unit Kelayakan dan Akreditasi (UNIKA) selain menujuhkan Pusat Pembangunan Keusahawanan, Pengkomersilan dan Pengurusan Harta Intelek. Dengan wujudnya UNIKA kita amat yakin Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan seterusnya Washington Accord (WA), yang menjadi badan akreditasi program pengajian kejuruteraan antarabangsa, secara berterusan akan mengiktiraf kualiti semua program pengajian kejuruteraan yang kita tawarkan. Secara kebetulan pada hari Isnin akan datang sekumpulan penilai kualiti program pengajian kejuruteraan dari EAC akan berkampung di UniMAP untuk membuat penilaian lanjutan bagi semua program yang telah mendapat akreditasi sebelum ini. Insya-Allah berkat kesungguhan para akademik dan pentadbir UniMAP yang komited dengan tanggungjawab masing-masing, kesemua program pengajian kejuruteraan kita akan diberi akreditasi lanjutan dan diberi pengiktirafan yang sewajarnya. UniMAP mensasarkan setiap program pengajian kejuruteraan memperoleh akreditasi sekurang-kurangnya tiga tahun bagi setiap tempoh penilaian yakni tempoh maksimum yang ditetapkan oleh BEM.

8. Di samping itu, dalam kesempatan ini sukacita saya mengisyiharkan bahawa bermula dari sesi 2011 UniMAP menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan pula. Sebanyak 12 Program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan yang diperlukan oleh industri negara

telah dikenalpasti. Sebagai permulaan, dalam sidang akademik ini UniMAP menawarkan Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi Industri), sementara sebelas program teknologi kejuruteraan lagi akan ditawarkan dalam sidang akademik akan datang. Sehubungan dengan perkembangan terbaru ini saya dimaklumi bahawa KPT dan pihak-pihak yang terlibat sedang berada di peringkat akhir untuk memuktamadkan keputusan tentang penubuhan Board of Technology (BOT) yang akan berperanan dan berfungsi sebagai badan profesional teknologi kejuruteraan yang setara dengan peranan dan fungsi yang dimainkan oleh BEM. Kewujudan BOT ini amat penting dan perlu segera diupayakan supaya kita dapat memastikan lepasan ijazah sarjana muda teknologi kejuruteraan ini diiktiraf setaraf dengan jurutera konvensional yang ada.

9. Sememangnya agenda kualiti tidak pernah terlepas pandang oleh pengurusan UniMAP sejak mula beroperasi pada 1 April 2002. Dalam jangka masa sekitar sembilan tahun menawarkan perkhidmatan, kini UniMAP diiktiraf oleh MQA sebagai universiti yang “terpuji” atau universiti yang tergolong dalam Tahap (*Tier*) 4 mengikut Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) 2009 berbanding dengan *Tier* 2 atau universiti kategori “memuaskan” yang dicapai dalam tahun 2006. Selain itu, UniMAP turut cemerlang dalam aspek penyelidikan. Baru-baru ini UniMAP diisyiharkan sebagai universiti empat (4) bintang (dengan skor 81.4%) mengikut *Malaysia Research Assessment* (MyRA) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT). UniMAP berada di tempat

pertama daripada 15 buah universiti kategori universiti bukan penyelidikan atau tempat ke-6 daripada 20 buah universiti awam di Malaysia.

10. Gabungan tenaga antara penyelidik muda dan penyelidik kanan UniMAP giat dan aktif melaksana pelbagai penyelidikan, khususnya dalam bidang kejuruteraan. *Dalam International Invention, Innovation and Technology Exhibition* (ITEX), misalnya, UniMAP pada tahun ini berjaya keluar sebagai juara keseluruhan daripada lebih 20 buah institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan yang mengambil bahagian dengan membawa pulang 11 pingat emas; 24 perak; dan 11 gangsa, di samping menerima anugerah *Champion of Malaysian Invention and Design Society* (MINDS) lantaran sumbangan universiti ini dalam usaha meningkatkan inisiatif inovasi dan penyelidikan para penyelidik muda dalam kalangan mahasiswa dan pelajar sekolah. Dalam *Malaysian Technology Expo* (MTE) 2011 penyelidik UniMAP berjaya meletakkan diri di tempat ketiga bersama-sama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan membawa pulang empat pingat emas, tujuh pingat perak dan 16 pingat gangsa; suatu pencapaian yang mengatasi rekod kecemerlangan tahun lalu. Selain itu, para penyelidik kita turut berupaya membawa pulang dua pingat emas dan dua pingat gangsa dari pameran penyelidikan di Geneva.

Para hadirin yang diraikan sekalian.

11. Kehebatan aktiviti penyelidikan di UniMAP tidak sekadar berlingkar dalam kalangan para pensyarah sahaja. Dalam tahun 2009 UniMAP memperkenalkan Engineering Invention and Innovation Exhibition (ENVEX)

untuk menggalakkan agenda penyelidikan dalam kalangan mahasiswa. Pada tahun ini taraf ENVEK diangkat ke arena antarabangsa hasil kerjasama dengan KPT atas nama International Engineering Invention and Innovation Exhibition (i-ENVEK). Dalam pameran yang diadakan dalam bulan April yang lalu, mahasiswa UniMAP berjaya menjadi juara keseluruhan dengan merangkul lima pingat emas, lima perak dan 10 gangsa di samping berupaya merangkul dua *Best Award*. Pameran ini turut disertai oleh institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara seperti Indonesia, Kemboja, Thailand, Filipina dan Singapura.

12. Pada tahun lalu sekumpulan penyelidik UniMAP yang saya ketuai dianugerahi pula geran penyelidikan bernilai RM1.5 juta oleh *King Abdul Aziz City for Science and Technology* (KACST), Arab Saudi sebagai tanda pengiktirafan antarabangsa kepada para penyelidik UniMAP. Dalam tahun ini, insya-Allah para penyelidik kita akan memperoleh sekitar RM2 juta lagi daripada KACST sebagai tanda pengukuhan kepercayaan dan pengiktirafan mereka terhadap para penyelidik kita.
13. Untuk memperkuuh persaingan di peringkat antarabangsa, UniMAP turut berusaha meningkatkan kualiti pandangan antarabangsa atau *international outlooknya*. Pada masa ini, UniMAP mempunyai 263 orang mahasiswa dan penuntut antarabangsa; 104 orang menjalani pengajian peringkat pascasiswazah (72 orang peringkat doktor falsafah dan 32 orang peringkat sarjana) dan 159 orang peringkat ijazah sarjana muda yang mengikuti program pengajian kejuruteraan (86 orang) dan perniagaan (73 orang) yang datang dari 16 buah negara. Sementara tenaga akademik

antarabangsa pula diisi oleh sebanyak 63 orang dari 18 buah negara dan 38 orang pakar rujuk akademik dari 13 buah negara.

14. Dengan data yang dibekalkan sebentar tadi, saya dan seluruh warga UniMAP yakin bahawa masa depan UniMAP, insya-Allah akan semakin cemerlang. Dengan semua program diplomanya diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dengan 21 program ijazah kejuruteraan sedang diproses untuk diberi akreditasi atau akreditasi lanjutan oleh Lembaga Jurutera Malaysia, hampir kesemua siswazahnya bekerja, sementara sebahagiannya diterima melanjutkan pelajaran di universiti-universiti terkenal di dunia, dan tahap kesihatan aktiviti penyelidikannya yang amat baik, UniMAP semakin yakin tentang keupayaannya untuk bersaing di persada antarabangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

15. Akhir kata sebelum kita bersurai terimalah komitmen ampuh daripada kami untuk menjadikan mahasiswa UniMAP siswazah berbakat istimewa iaitu siswazah yang baik budi dan akhlaknya; siswazah yang pintar mindanya; siswazah yang berkualiti kerja dan hasil kerjanya. Kami tahu dan sedar bahawa tugas dan tanggungjawab yang kami pikul ini bukan kerja mudah. Tetapi, terlanjur kami memilih institusi ini sebagai tempat mencari rezeki, maka menjadi tanggungjawab kamilah untuk menjadikan:

Yang susah menjadi mudah;  
Yang cacat menjadi hebat;  
Yang kurang menjadi berpeluang;  
Yang pintar menjadi pakar;  
Yang cerdik menjadi pendidik;  
Yang miskin menjadi pemimpin;  
Yang kaya menjadi lebih berharga.

Di samping itu, marilah kita (UniMAP dan para ibu bapa sekalian) berganding bahu memerah keringat dan tenaga serta berdoa sekerap mungkin supaya kita **TIDAK** melahirkan anak didik yang:

Apabila orang bekerja, dia bersenda.  
Apabila orang bermesyuarat, dia mengumpat.  
Apabila orang berbicara, dia mengata.  
Apabila orang merancang, dia mencincang.  
Apabila orang berbincang, dia melancang.  
Apabila orang bermuafakat, dia menyekat.  
Apabila orang berbakti, dia mengeji.  
Apabila orang berbudi, dia berjudi.  
Apabila orang berdakwah, dia berdakyah.  
Apabila orang mencari kawan, dia mencari lawan  
Apabila orang mencari ilmu, dia mencari ragu.  
Apabila orang mengucap, dia mencungap.  
Apabila orang berpuasa, dia berbuka.  
Apabila orang bertarawikh, dia terhegeh-hegeh.

Apabila orang ikut syarak, dia minum arak.  
Apabila orang bertasbih, dia bergebang lebih.  
Apabila orang bermunajat, dia berbuat jahat.  
Apabila orang berpimpinan ke syurga, dia berjalan ke neraka.

Ampun Tuanku.

Sekian sahaja ucapan patik. Akhir kata sekali lagi patik ingin merafak sembah, menjujung kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua atas perkenan berangkat ke Istiadat Konvokesyen yang sarat dengan sejarah ini. Sesungguhnya keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berdua amat besar makna dan ertinya buat patik sekalian. Mohon patik mengundurkan diri dengan lafaz:

Wabillahitaufik walhidayah

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ